



KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA 30 DISEMBER 2021

CBP TAWAR MORATORIUM UNTUK MANGSA BANJIR

1. Co-opbank Pertama (CBP) hari ini mengumumkan pemberian moratorium kepada pelanggan CBP yang terjejas akibat bencana banjir yang telah melanda beberapa negeri sejak pertengahan Disember tempohari.
2. “Sebagai sebuah bank koperasi yang prihatin terhadap pelanggan serta selaras dengan prinsip CBP iaitu prihatin terhadap komuniti, CBP ingin mengumumkan bahawa permohonan moratorium bencana banjir boleh dibuat oleh pelanggan yang terjejas secara atas talian di <https://bit.ly/MBCBP2021> bermula 3 Januari 2022 sehingga 28 Februari 2022.” kata Khairil Anuar Mohammad Anuar, Ketua Pegawai Eksekutif CBP.
3. “Bagi pelanggan PKS dan Koperasi pula, permohonan boleh dibuat melalui emel pembiayaan.korporat@cbp.com.my. ” tambah beliau.
4. Cawangan CBP akan menghubungi pelanggan dan memaklumkan status permohonan moratorium melalui sistem pesanan ringkas (SMS).

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 29 buah cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan patuh Syariah seperti Pembiayaan Individu, Koperasi serta Korporat, Ar-Rahnu, Deposit, Syer Keanggotaan serta Takaful dan Wasiat Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Jabatan Transformasi, Co-opbank Pertama

syaiful@cbp.com.my / transformasi@cbp.com.my

013-394 4999